



**TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
MERANGKAP
PENGERUSI MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA
SEMPENA
MAJLIS APRESIASI
MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA 2021**

**TARIKH: 20 MAC 2021 (SABTU) , MASA: 3.00 PETANG
DI BALLROOM AL- ARIFFIN, HOTEL MUDZAFFAR, MELAKA**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ أَشْرَفِ الْمُرْسَلِينَ، وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Lafaz selawat kepada Rasul Junjungan, Nabi Muhammad SAW, yang menjadi ikutan, dan suri tauladan sepanjang zaman.

Allahuma Solli 'Ala Sayyidina Muhammad Wa'ala A-li Sayyidina Muhammad.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat
Bahagia, Menggamit Dunia.

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS;

**SAHIBUS SAMAAH DATUK WIRA HJ. ABDUL HALIM
BIN TAWIL,
MUFTI KERAJAAN NEGERI MELAKA;**

**YANG BERTHORMAT DATUK HJ MD RAWI BIN
MAHMUD,
TIMBALAN Pengerusi MAJLIS AGAMA ISLAM
MELAKA;**

**YANG BERUSAHA, TUAN HJ. IKRAM BIN IBRAHIM,
SETIAUSAHA MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA;**

**YANG BERBAHAGIA DATUK HAJI IBRAHIM BIN
FADZIL,
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF ZAKAT MELAKA;**

**YANG BERUSAHA TUAN IR. RAMLAN BIN OMAR,
PENGURUS BESAR TELEKOM MALAYSIA MELAKA
(TM);**

**YANG BERUSAHA PUAN MAS ANISAH AYU BINTI
OTHAMAN,
PENGURUS BESAR PERBADANAN TABUNG
PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL MELAKA (PTPTN);**

YANG BERUSAHA, PUAN ARINA SAFFURAA BINTI ALIM,

KETUA SEKYEN PEMBANGUNAN INSAN, BAHAGIAN ZAKAT, MAIM;

KETUA-KETUA UNIT, URUS SETIA MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA;

YANG DIRAIKAN PELAJAR-PELAJAR, USAHAWAN SERTA PEMBEKAL BANTUAN MAKANAN BULANAN MAIM;

**RAKAN-RAKAN MEDIA, TUAN-TUAN, PUAN-PUAN
SERTA ANAK-ANAK PELAJAR YANG DIRAIKAN
SEKALIAN,**

MUKADIMAH

Apa kabau semua anak-anak cerdas di hadapan pakcik?
Semua sihat?

1. Syukur Alhamdulillah, marilah kita sama-sama menzahirkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, kita dapat berkumpul di Ballroom Al- Ariffin dalam keadaan norma baharu bagi meraikan Majlis Apresiasi Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) Tahun 2021.

2. Terlebih dahulu, bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Majlis Agama Islam Melaka serta jawatankuasa yang terlibat menjayakan majlis yang cukup bermakna, bagi meraikan 19 orang pelajar berdasarkan keputusan cemerlang tertinggi dalam bidang akademik iaitu peperiksaan yang bermula daripada Ujian Penilaian Kelas Kafa (UPKK) sehingga Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM). Dalam pada itu, tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada Usahawan Asnaf MAIM serta pembekal bantuan makanan bulanan MAIM yang telah memberikan perkhidmatan terbaik kepada asnaf di Negeri Melaka.

MENYANTUNI KEBAJIKAN ASNAF NEGERI MELAKA

3. Kerajaan Negeri Melaka melalui MAIM sentiasa berusaha untuk menyantuni kebajikan asnaf negeri ini. Kita tidak mahu ada yang tercicir daripada menerima bantuan yang sewajarnya. Saya mahu semua lapisan masyarakat khususnya kebajikan golongan asnaf terbela. Hal ini bertepatan dengan salah satu misi Melaka yang berasaskan perkataan T.E.R.A.S iaitu (SEJAHTERA) yakni **menjamin kesejahteraan rakyat Negeri Melaka menerusi insentif kebajikan rakyat.**

4. Berdasarkan laporan terkini yang saya terima daripada pihak MAIM, terdapat seramai **8,427 orang penerima bantuan MAIM** pada tahun 2021 terdiri daripada kalangan asnaf fakir, miskin dan mualaf di seluruh Negeri Melaka. Manakala, seramai **8,462, anak-anak asnaf** yang telah dikenal pasti menerima bantuan saraan anak sekolah pada tahun ini. Mereka ini terdiri daripada **320 orang fakir, 8,084 asnaf miskin** dan **58 asnaf mualaf**.

Saudara dan saudari serta anak-anak yang diraikan sekalian,

MAJLIS APRESIASI MAIM 2021

5. Melalui MAIM, kita telah memberikan pelbagai bentuk skim-skim bantuan serta program-program bagi meningkatkan pembangunan modal insan dalam kalangan asnaf. Justeru, sekali lagi, syabas kepada pihak MAIM kerana telah memainkan peranan dengan efisien melalui kerjasama **Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Negeri Melaka (PTPTN)** yang saya maklum, pelajar akan diberikan wang saku sebanyak **RM50.00** untuk setiap keputusan **subjek A** yang telah dicapai dan dikreditkan ke akuan SSPN-I anak-anak ini.

6. Tidak lupa juga, sekalung penghargaan kepada Telekom Malaysia melalui Badan Kebajikan Islam Telekom Malaysia bagi penyaluran wakalah zakat kepada anak- anak asnaf yang cemerlang di Negeri Melaka iaitu pemberian **pek permulaan bebas prepaid dan kredit topup unifi mobile.**

7. Dengan begitu banyak bantuan yang disalurkan ini, pakcik berharap, 19 orang anak-anak cerdas yang diraikan malam ini akan meneruskan kejayaan sehingga ke peringkat tertinggi kelak. Bukan setakat itu sahaja, pakcik juga berharap kecemerlangan anak-anak ini bakal menjadi perangsang kepada mereka yang lain, untuk terus berusaha dengan lebih gigih sehingga mencapai kejayaan, seterusnya menjadi kebanggaan bukan sahaja kepada ibu bapa, malahan kepada negeri, negara, bangsa dan agama.

Memetik ayat daripada Abu Hurairah RA bahawasanya Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ سَلَكَ طَرِيقًا يَبْتَغِي فِيهِ عِلْمًا سَهَّلَ اللَّهُ لَهُ طَرِيقًا إِلَى الْجَنَّةِ

“Sesiapa yang menempuh satu jalan untuk mencari ilmu pengetahuan, maka Allah memudahkan baginya satu jalan untuk menuju ke syurga” **(Hadith Riwayat Muslim)**

Saudara dan saudari yang dihormati sekalian,

8. Saya dimaklumkan pada Majlis Apresiasi ini juga, kita akan meraikan Usahawan Asnaf MAIM dan 3 Pembekal Bantuan Makanan Bulanan MAIM yang mana, pembekal makanan bulanan MAIM yang terbaik mengikut daerah akan terpilih, berdasarkan pemarkahan penilaian yang dijalankan setiap tahun. MAIM juga akan mengangkat seorang tokoh Usahawan Asnaf 2019 kepada peringkat JAWHAR 2020.

9. Sesungguhnya, **tiada kejayaan semanis madu, tanpa usaha sepahit hempedu.** Saya akan terus mendoakan kejayaan anak-anak asnaf Negeri Melaka serta para usahawan asnaf semua. Semoga usaha kalian diberkati dan diredhai oleh Allah SWT.

10. Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Apresiasi Majlis Agama Islam Melaka Bagi Tahun 2021.

Sekian,

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ